

## **Interaksi Para Sufi dengan Agama-agama Lain (Interaction of the Sufis with Other Religions)**

YUSRI MOHAMAD RAMLI<sup>1</sup> & MOHD SYUKRI YEOH ABDULLAH<sup>2</sup>

*The Sufis are well known for their quite peculiar and extraordinary way of perceiving. It is commonly acknowledged or at least being promulgated that their method of thinking transcends the conventional dogmatic spectrum which tends to be usually apologetic and polemic. As regards the religions, the Sufis seem to be eccentricly emphatic and inclusive in their conduct and character. This study attempts to highlight this distinctive approach of the Sufis in dealing with other religions based on accounts of their direct contact with other religious adherents as recorded in Sufi bibliographical works. This study found that their noteworthy engagements involve unique expressions including disseminating as well as seeking wisdom and counsel to and from other religions. In addition, they argue and persuade the others in a very wise manner besides having keen enthusiasm to understand and recognise whatever seem to be good and true in other religions. Their remarkable reciprocal colloquies provide important insight into their perception of other religions that could go deep to the innermost belief and conviction. Furthermore, their tolerance of other religions does not hinder them from professing and being consistent with Islam. On top of that, intercourse with different beliefs is regarded by the Sufis as one of the uttermost paths to grasp and realise the oneness of God. This study expects more attentions to be drawn on the sui generis viewpoint of the Sufis concerning dialogue between faiths and conception of other religions.*

**Keywords:** *interfaith dialogue, interreligious relations, religious pluralism, Sufism, unity of religions*

### **Prawacana**

Perkembangan awal Islam memperlihatkan banyak sisi perhubungan kerjasama antara penganut Islam dengan penganut agama-agama lain. Ini ditandai antaranya dengan pertemuan Rasulullah (s.a.w.) dengan rahib dan pendeta Kristian bernama Bahira (Ibn Hisham 1997: Jil. 1: 217-220), serta dengan sepupu isteri Rasulullah (s.a.w.), yang adalah seorang pendeta Kristian, iaitu Waraqah bin Nawfal (Ibn Hisham 1997: Jil. 1: 274-275) yang jelas memaparkan episod penting dalam pengukuhan kenabian dan dakwah. Muamalah seterusnya juga menjadi sejarah penting dalam perkembangan Islam merangkumi hijrah umat Islam ke negara Kristian Aksum di Habsyah pimpinan Ashama ibn Abjar al-Najashi (w. 630M) (Ibn Hisham 1997: Jil. 1: 354-407) dan persetujuan pelbagai agama dan kaum dalam pembentukan Sahifah Madinah (Ibn Hisham 1997: Jil. 2: 115-118).

Sunnah Rasulullah (s.a.w.) ini dilanjutkan oleh para Khulafa al-Rashidin yang memimpin umat Islam kemudian serta tokoh-tokoh Islam yang lain. Antara kisah yang terkenal adalah ketika pembukaan kota Palestin yang mana Sayyidina Umar (r.a.) (577-644M) mengiktiraf hak penduduk Kristian untuk beragama dan memiliki gereja yang sedia milik mereka (al-Tabari 2001; Arnold 2005). Begitu juga dengan sifat ikhlas, jujur dan bersahabat yang ditonjol oleh Salah al-Din al-Ayyubi

---

<sup>1</sup> Lecturer at the Centre for Akidah and Global Peace, Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia. E-mail: yusri\_mr@ukm.edu.my.

<sup>2</sup> Senior Research Fellow at Institute of Malay World and Civilisation, National University of Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia. E-mail: syukri@ukm.edu.my.

(1138-1193M) dalam seluruh episod Peperangan Salib yang dicatat oleh sejarawan Muslim (al-Isfahani 2004; Ibn Shaddad 1964) serta diakui sejarawan Barat sendiri (Gibb 1973).

Apa yang ditunjuk oleh Rasulullah (s.a.w.) dan para imam selepasnya mengenai hubungan dengan umat pelbagai agama adalah suatu yang selari dengan saranan Allah (s.w.t.) yang disebut dalam al-Qur'an (Surah al-Mumtahanah 60:7-9):

عَسَى اللَّهُ أَنْ يَجْعَلَ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ الَّذِينَ عَادَيْتُمْ مِنْهُمْ مَوْدَّةً وَاللَّهُ قَدِيرٌ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ . لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ . إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوهُمْ ۚ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ .

Maksudnya: Mudah-mudahan Allah menimbulkan kasih sayang antaramu dengan orang-orang yang kamu musuhi di antara mereka. Dan Allah adalah Maha Kuasa. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Allah tiada melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawanku orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusir kamu dari negerimu dan membantu (orang lain) untuk mengusirmu. Dan barangsiapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

Bahkan Rasulullah (s.a.w.) banyak memperingatkan akan peri pentingnya menjaga hubungan kemanusiaan dengan umat bukan Muslim. Antaranya pesanan Baginda (s.a.w.) dalam satu hadith riwayat al-Bukhari (*Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Jana'iz, Bab Man Qama li Janazah Yahudi: No. 1312) yang berbunyi:

... فَقَالَا: إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّتْ بِهِ جِنَازَةٌ فَقَامَ، فَقِيلَ لَهُ: إِنَّهَا جِنَازَةٌ يَهُودِيٍّ، فَقَالَ: أَلَيْسَتْ نَفْسًا.

Mereka berdua (Sahl bin Hunayf dan Qays bin Sa'd) berkata: Sesungguhnya telah lalu di hadapan Nabi (s.a.w.) satu jenazah, lalu Baginda (s.a.w.) bangun (untuk menghormati). Lalu diberitahu kepada Baginda (dengan maksud mempersoal tindakannya itu): "Itu jenazah seorang Yahudi". Baginda (s.a.w.) bersabda: "Bukankah ia juga nyawa?".

Walau bagaimanapun, perkembangan selanjutnya tidak kurang dengan pertembungan sengketa akibat daripada perluasan wilayah Islam serta percampuran dengan masyarakat pelbagai agama, bangsa dan budaya. Ini menatijahkan berkembangnya pelbagai sudut pandang dan pendekatan mengenai perhubungan Islam dengan agama-agama lain. Wacana ilmiah mengenai hubungan antara agama telah menempati dalam pelbagai disiplin keilmuan baik yang bersifat konseptual mahupun praktikal. Secara umum dan konvensionalnya, kepelbagaian pendekatan ini dapat diklasifikasi mengikut disiplin tersebut kepada yang bersifat Kalam (teologi), Feqah (perundangan) dan juga Falsafah (saintifik).

Pendekatan teologi yang dibawa oleh sarjana Muslim lebih tertumpu kepada isu-isu akidah yang dibahas secara konfrontatif, kritikal, dialektikal dan apologetikal. Wacana isu antara agama pada Abad Pertengahan secara umumnya lebih mendominasi oleh pendekatan sebegini yang dipelopori oleh kelompok Mutakallimun khususnya tokoh-tokoh Muktaizilah seumpama Abu al-

Hudhayl al-'Allaf (748-849M) yang menulis satu kitab menyanggah 'Ammar al-Basri al-Nasrani. Juga Abu Ishaq Ibrahim ibn Sayyar al-Nazzam (775M-845M) yang banyak melakukan perbahasan dan perdebatan dengan orang-orang Kristian. Turut sama dalam kalangan Mukhtazilah adalah Abu 'Uthman 'Amr bin Bahr al-Jahiz (776-869M) yang menulis buku *al-Mukhtar fi al-Radd 'ala al-Nasara*. Demikian juga Qadi 'Abd al-Jabbar ibn Ahmad (935-1025M) yang menulis *Tathbit Dala'il Nubuwwat Sayyidina Muhammad*. Begitu juga tokoh-tokoh dalam kalangan ulama Asha'irah seumpama Imam al-Haramayn al-Juwayni (1028-1085M) yang menulis *Shifa' al-Ghalil fi Bayan Ma Waqa'a fi al-Tawrat wa al-Injil min al-Tabdil*, al-Shahrastani (1086-1153M) yang menulis *al-Milal wa al-Nihal*, juga al-Ghazali (1058-1111M) yang dikait dengan kitab *al-Radd al-Jamil*. Ibn Taymiyah (1263-1328M) dan muridnya Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1292-1350M) juga turut sama bergelumang melalui kitab *al-Jawab al-Sahih liman Baddala 'an Din al-Masih* dan *Hidayat al-Hayara min al-Yahud wan al-Nasara*. Beberapa tokoh Falsafah juga turut sama menggunakan pendekatan teologi seumpama al-Kindi (801-873M) dengan karyanya *Maqalah fi al-Radd 'ala al-Nasara* serta Ibn Hazm (994-1064M) melalui *al-Fisal fi al-Milal wa al-Ahwa wa al-Nihal*.

Di samping itu, turut tidak dapat dinafi penumpuan oleh tokoh-tokoh Feqah juga menyumbang kepada wacana antara agama khususnya yang melibatkan perkara-perkara perundangan dan peraturan yang bersifat politik dan sosial. Ini termasuk isu-isu hak dan tanggungjawab kafir zimmi, kafir harbi dan sebagainya. Tokoh-tokoh yang tergolong dalam pendekatan ini ialah para ulama mazhab Feqah. Tokoh Falsafah yang juga salah seorang imam Mazhab Maliki, Ibn Rushd (1126-1198M) juga antara yang berkecimpung dalam hal ini yang sedikit berbeza dari ulama Feqah konvensional dengan mempunyai unsur falsafah menerusi penekanan tentang hak penganut-penganut agama lain berbanding hanya membahaskan etika dan peraturan sosial semata-mata.

Pendekatan falsafah atau yang kini lebih difahami dengan pendekatan saintifik menjadi suatu pemandu utama kepada perkembangan selanjutnya tentang ilmu perbandingan agama sehingga ia menjadi suatu ilmu yang tersendiri dan kukuh berbanding sebelumnya melalui pendekatan teologi yang lebih terikat dengan ilmu Akidah dan Kalam serta pendekatan perundangan yang lebih terkait dengan ilmu Feqah. Tokoh yang merintis pendekatan ini tidak lain dan tidak bukan adalah al-Biruni (973-1048M) melalui *magnum opus*nya *Kitab al-Hind*. Kajian beliau terhadap agama dan peradaban India adalah sumbangan luar biasa yang telah memberi pedoman baru dalam metode mengkaji agama khususnya tentang pendekatan analisis deskriptif (*wasfiyah*) yang gagal dijelas baik oleh pendekatan konvensional pada masa itu. Ini kerana pendekatan falsafah menitikberatkan pandangan dari dalam penganut agama itu sendiri (*insider's view*) dan pengalaman (*experience*) sendiri supaya maklumat yang diperoleh benar-benar sahih dan diyakini.

Di sebalik pendekatan popular sebagaimana disebut di atas yang sehingga ke hari ini masih berkembang dan digunakan, terdapat satu pendekatan lain tidak kurang pentingnya namun masih belum mendapat tempat yang sewajarnya dalam disiplin perbandingan agama walaupun telah terdapat sejak sekian lama. Pendekatan tersebut adalah pendekatan yang dibawa oleh tokoh-tokoh Tasawwuf dan dilihat mempunyai suatu keunikan yang tersendiri yang wajar diiktiraf sebagai suatu metode yang penting dalam memahami dan juga berinteraksi dengan agama-agama.

### Interaksi Para Sufi Dengan Penganut Agama Lain

Para Sufi sangat dikenali dengan pendekatan mereka yang istimewa dan luar biasa yang lazim dianggap melangkaui kelaziman pendekatan teologikal yang berasaskan dogma yang kebiasaannya cenderung versikap apologetik dan polemik. Sikap dan tindakan yang ditonjolkan oleh mereka sangat empatik dan inklusif dalam berinteraksi dengan penganut agama lain. Sikap dan tindakan para Sufi tersebut atau yang disebut dalam al-Quran dan al-Hadith sebagai *waliyy Allah* dan *ahli Allah* ini tergambar dalam tulisan, kata-kata dan kisah yang dirakam dalam pelbagai catatan. Antaranya adalah anekdot yang memaparkan pertembungan mereka dengan penganut agama-agama lain

adalah kisah yang diriwayatkan oleh Abu Nu'aym al-Isfahani (948-1038M)) (1996, Jil. 2: 365) mengenai seorang tokoh Sufi besar, Malik bin Dinar (w. 748M) yang dilaporkan berkata:

Aku melihat seorang rahib sedang duduk di atas bukit. Aku berkata kepadanya: "Wahai rahib! Nasihatilah aku sesuatu yang menjadikan aku seorang yang zuhud dengannya di dunia ini. Beliau menjawab: "Bukankah kamu mempunyai al-Quran dan Furqan (kamu sendiri)?" Aku menjawab: "Ya, tetapi aku suka mahu kamu mengajar aku sesuatu yang datang dari pengalaman kamu supaya aku dapat menjadi zuhud dengannya di dunia ini". Beliau menjawab: "Jika kamu mampu meletakkan tirai besi antara diri kamu dengan syahwat kamu, maka lakukanlah".

Kisah lain yang dicatat adalah mengenai Muhammad ibn Ya'qub, sahabat dan murid kepada Harith ibn Asad al-Muhasibi (781-857M) (Abu Nu'aym 1996, Jil.10: 288-298):

Setelah meninggalkan Dimashq, aku telah pergi ke kawasan gurun. Tiba-tiba aku mendapati diriku sesat dalam kawasan gurun yang sunyi dan liar sehingga aku hampir-hampir nak mati. Ketika itu, aku terlihat dua orang rahib datang melalui berdekatan. Aku beranggapan bahawa mereka datang dari kawasan pekan berdekatan untuk kembali ke biara mereka yang pastinya tidak jauh dari situ. Aku mendekati mereka sambil berkata: "Ke mana kamu pergi?". Mereka menjawab: "Kami tidak tahu!". (Aku bertanya lagi:) "Adakah kamu tahu di mana kamu (dan kita) berada sekarang?". (Mereka menjawab:) "Ya, kami berada dalam kekuasaanNya, kerajaanNya dan kehadiranNya!". Mendengar jawapan ini, aku mengherdik ego nafsuku dengan berkata kepada diriku: "Mereka berdua (yang bukan Muslim) telah mencapai *tawakkul* sedangkan kamu sendiri (yang Muslim) tidak".

Sultan al-<sup>c</sup>Arifin Abu Yazid al-Bistami (804-874M) diriwayatkan oleh Farid al-Din <sup>c</sup>Attar (1145-1120M) (t.th.: 195) mempunyai seorang jiran musyrik (bukan Muslim) yang tinggal dengan anaknya. Pada beberapa hari, anaknya itu sering menangis pada waktu malam lantaran tiada lampu yang menerangi rumah mereka. Lalu Abu Yazid membawa lampu dari rumahnya ke rumah jirannya itu untuk diberikan kepada mereka sehingga kemudian berhenti anaknya daripada menangis. Maka berkata jirannya itu: "*Bagaimana kami dapat kekal dalam kegelapan sedangkan Abu Yazid telah datang membawa cahaya*". Beliau dan anaknya serta seluruh ahli keluarganya kemudian beriman dan memeluk Islam dengan keberkatan Abu Yazid. 'Attar (t.th.: 196) juga merekodkan bahawa pada zaman Abu Yazid terdapat seorang musyrik ditanya oleh seseorang: "*Kenapa kamu tidak beriman?*". Lalu jawabnya: "*Bagaimana aku nak beriman. Aku tidak mampu beriman seumpama iman dan amal Abu Yazid, dan dalam masa yang sama aku tidak redha dengan iman dan amal kamu (yang tidak seperti Abu Yazid)*".

Shaykh Abu Sa'id Abu al-Khayr (967-1049M) juga ada dicatatkan oleh cicitnya, Muhammad bin al-Munawwar memberikan satu teladan penting supaya tidak memaksa dalam berdakwah dengan penganut agama lain:

Diriwayatkan bahawa pada satu hari, Shaykh Abu Sa'id pada satu hari di Nishapur bergerak dengan menaiki kuda sehingga tiba di gereja. Hari tersebut ialah hari Ahad dan para penganut kristian sedang berkumpul di dalam gereja. Maka para muridnya berkata: "Wahai Shaykh! Marilah kita melihat mereka". Maka Shaykh pun turun daripada kudanya. Apabila mereka masuk ke dalam gereja, maka para penganut Kristian pergi melayaninya serta menghormatinya dan duduk dihadapannya sebagai tanda penghormatan dan kemuliaan. Dalam kalangan murid yang mengikuti Shaykh, terdapat beberapa qari al-Qur'an. Maka seorang Kristian berkata: "Bolehkah Tuan

Shaykh membenarkan mereka membacakan ayat-ayat al-Qur'an. Maka Shaykh berkata: "Baiklah". Maka qari-qari tersebut membacakan beberapa ayat, sehingga para penganut Kristian merasa tersentuh dan takjub sehingga berlinang air mata. Kemudian Shaykh bangun lalu keluar. Maka salah seorang muridnya berkata: "Jika Shaykh menyuruh mereka masuk Islam, maka mereka semua akan membuka tali pinggang mereka kesemuanya (sebagai tanda masuk Islam)". Maka berkata Shaykh: "Sesungguhnya bukan aku yang memakaikan tali pinggang mereka itu dan bukan aku yang membukanya" (Muhammad bin al-Munawwar 2007: 240).

Kisah-kisah seumpamanya banyak disebutkan dalam pelbagai manaqib dan riwayat para Sufi yang memberi gambaran bagaimana keterbukaan dan hubungan baik yang ditonjolkan oleh para Sufi dengan penganut pelbagai agama. Namun, rintisan pengutaraan secara falsafah terhadap konsep kepelbagaian agama secara bertulisnya dapat dinisbahkan kepada Shaykh Abu al-Mughith al-Husayn bin Mansur al-Hallaj (858-922M), tokoh Sufi yang diingati melalui penyalibannya dan ungkapan *shatahatnya* serta menjadi ikon kepada tokoh-tokoh Sufi terkemudian senasib dengannya. Beliau menitipkan beberapa kata-kata berkenaan agama termasuk kata-katanya yang paling masyhur:

الْكُفْرُ وَالْإِيمَانُ يُفْتَرِقَانِ مِنْ حَيْثُ الْإِسْمِ، وَأَمَّا مِنْ حَيْثُ الْحَقِيقَةِ فَلَا فَرْقَ بَيْنَهُمَا.

Maksudnya: Iman dan kufur hanya berbeza pada nama, adapun pada hakikatnya tidak ada perbezaan antara kedua-duanya (Massignon & Kraus 1936: 53).

Dalam satu kisah yang diriwayatkan daripada 'Abd Allah bin Tahir al-Azdi bahawa beliau berkata:

Aku telah bertelagah dengan seorang Yahudi di pasar Baghdad sehingga aku mengatakan padanya: "Wahai anjing!" Maka lalu al-Husayn bin Mansur dan menjeling kepadaku dan berkata: "Jangan kamu menyalak kepada anjing kamu!" dan ia kemudiannya segera beredar daripadaku. Beberapa waktu kemudiannya setelah reda pertelagahanku itu, aku pergi bertemu dengan al-Husayn dan masuk ke rumahnya. Pada mulanya beliau enggan untuk bertemu denganku, namun setelah aku meminta maaf, maka ia membenarkannya. Beliau kemudiannya berkata: "Wahai anakku, semua agama adalah milik Allah 'Azza Wajjala. Kelompok penganut agama beragama dengan agama mereka pada hakikatnya bukan dengan pilihan mereka, tetapi dipilih ke atas mereka. Barangsiapa mencerca seseorang membatalkan agama yang telah ditentukan ke atasnya, maka ia seolah-olah menghukumkan bahawa ia memilih sendiri agamanya, dan kepercayaan sebegini adalah pegangan mazhab al-Qadariyyah, sedangkan "al-Qadariyah adalah Majusi bagi umat (Islam) ini". Dan ketahuilah bahawa agama Yahudi, Kristian, Islam dan agama-agama lain hanyalah panggilan dan nama yang berbeza sahaja, sedangkan maksud daripadanya tidak berbeza". Beliau kemudiannya menitipkan:

تَفَكَّرْتُ فِي الْأَدْيَانِ جِدًّا مُحَقَّقًا فَأَلْفَيْتُهَا أَصْلًا لَهُ شَعْبٌ جَمًّا  
فَلَا تَطْلُبَنَّ لِمَرْءٍ دِينًا فَإِنَّهُ  
يُصَدُّ عَنِ الْوَصْلِ الْوَثِيقِ وَإِنَّمَا  
يُطَالِبُهُ أَصْلٌ يُعَبِّرُ عِنْدَهُ  
جَمِيعَ الْمَعَالِي وَالْمَعَانِي فَيَفْهَمُهَا

Maksudnya: Aku telah memikirkan tentang agama-agama dengan bersungguh-sungguh dan mendalam, maka aku runtkaikan bahawa agama-agama mempunyai satu asal yang mempunyai cabang-cabang yang banyak. Oleh itu, kamu tidak sepatutnya menyeru seseorang (dengan memaksanya untuk menganut) mana-mana agama, (kerana) maka sesungguhnya ia akan terkekang dari mencapai ikatan (akidah) yang kukuh. Dan sesungguhnya, (hendaklah) menyerunya (kepada) yang asal (dengan) menjelaskan kepadanya seluruh kemuliaan dan makna, nescaya ia akan memahaminya (Massignon & Kraus 1936: 69-70).

#### Purnawacana

Daripada kisah-kisah yang telah disebutkan ini, maka dapat ditemukan bahawa interaksi para Sufi dengan penganut agama-agama lain menonjolkan sikap dan tindakan mereka yang sangat toleran. Toleransi tersebut bukan sekadar pada peringkat asas toleransi yakni setuju untuk tidak bersetuju, bahkan toleransi yang tertinggi yang melibatkan pencarian hikmah dan pengajaran daripada agama lain dan begitu juga sebaliknya kepada agama lain. Demikian juga perbahasan dan perdebatan dengan cara yang paling baik disamping bersungguh-sungguh untuk memahami dan mengakui kebenaran dan kebatilan yang wujud dalam agama-agama lain.

Muamalah para Sufi ini memberikan suatu cetusan pemikiran yang penting dalam menanggapi agama-agama lain dengan pendekatan yang benar-benar mendalam dalam memahami kepercayaan dan pegangan penganut-penganut agama. Apa yang menarik ialah toleransi tahap tertinggi yang dipaparkan oleh para Sufi tidak menghalang mereka daripada menganut dan berpegang teguh dengan Islam. Bahkan, pergaulan dengan penganut agama-agama lain dianggap sebagai salah satu jalan untuk memahami dan mencapai tawhid kepada Allah.

#### Rujukan

*Al-Qur'an al-Karim.*

*Al Qur'an dan Terjemahannya.* 1998M/1418H. Madinah: Muajamma<sup>c</sup> al-Malik Fahd li al-Tiba<sup>c</sup>at al-Mushaf al-Sharif.

Abu Nu<sup>c</sup>aym, Ahmad bin <sup>c</sup>Abd Allah al-Isfahani. 1996. *Hilyat al-Awliya wa Tabaqat al-Asfiya.* 11 Jil. Beirut: Dar al-Fikr.

Arnold, Thomas Walker. 2005. *The Spread of Islam in the World: A History of Peaceful Preaching.* New Delhi: Goodword Books.

<sup>c</sup>Attar, Muhammad bin Ibrahim Farid al-Din. t.th. *Tadhkirat al-Awliya.* Terj. Muhammad bin Muhammad Shams al-Din al-Asili al-Wastani al-Shafi<sup>c</sup>i. t.tp.: t.pt.

al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma<sup>c</sup>il. 2002M/1423H. *Sahih al-Bukhari.* Dimashq: Dar Ibn Kathir.

Ibn Hisham. 1997M/1417H. *Al-Sirah al-Nabawiyah.* Sunt. Mustafa al-Saqa, Ibrahim al-Abyari dan <sup>c</sup>Abd al-Hafiz Shalabi. 4 Jil. Beirut: Dar al-Ihya al-Turath al-<sup>c</sup>Arabi.

Ibn Shaddad, Baha' al-Din Yusuf bin Raf<sup>c</sup>i. 1964. *Al-Nawadir al-Sultaniyyah wa al-Mahasin al-Yusufiyyah aw Sirah Salah al-Din.* Kaherah: Dar al-Misriyyah li al-Ta'lif.

al-Isfahani, 'Imad al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad bin Muhammad bin Hamid. 2004/1425H. *Hurub Salah al-Din wa Fath Bayt al-Maqdis wa Huwa al-Kitab al-Musamma al-Fath al-Qussi fi al-Fath al-Qudsi.* Amman: Dar al-Manar.

Gibb, Hamilton Alexander Rosskeen. 1973. *The Life of Saladin: from the Works of 'Imad ad-Din and Baha' ad-Din.* Oxford: Clarendon Press.

Massignon, Louis & Kraus, Paul. 1936. *Akhbar al-Hallaj.* Paris: Au Calame and Larose.

Muhammad bin al-Munawwar bin Abi Sa<sup>c</sup>id. 2007. *Asrar al-Tawhid fi Maqamat Abi Sa<sup>c</sup>id.* Terj. Iscad <sup>c</sup>Abd al-Hadi Qandil. Silsilah Mirath al-Tarjamah. Kaherah: al-Majlis al-<sup>c</sup>la li al-Thaqafah.

al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. 2001. *Tarikh al-Tabari: Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.